

## KAEDAH AGIHAN BAHAGIAN HARTA PUSAKA DALAM KES *AL-HAML*

Mohd Muslim Salleh

Siti Mashitoh Mahamood

Universiti Malaya

### ABSTRAK

Permasalahan pembahagian harta pusaka orang Islam yang semakin meningkat dari sehari ke sehari dan isu harta pusaka yang tidak diselesaikan adalah membimbangkan. Masalah Janin dalam kandungan dikalangan ahli waris merupakan antara isu yang menyumbang kepada peningkatan jumlah harta pusaka yang tidak diselesaikan. Artikel ini mengulas kaedah agihan harta pusaka dalam kes pewarisan janin dalam kandungan atau dikenali sebagai *al-haml*. Untuk tujuan tersebut, artikel ini mengetengahkan teori *al-ihtimalat* sebagai asas perbincangan. Kajian ini berbentuk kualitatif dan data diperolehi menerusi kaedah perpustakaan dan dianalisis secara deskriptif. Untuk penyelesaian permasalahan pentadbiran harta pusaka, kajian ini berjaya mengemukakan model penyelesaian di mana teori *al-ihtimalat* dapat menyelesaikan masalah pentadbiran harta pusaka dalam kes *al-haml*. Kajian merumuskan bahawa *al-haml* adalah berhak mewarisi harta pusaka daripada ahli warisnya yang telah meninggal dunia berdasarkan kepada hukum faraid yang telah ditetapkan oleh syarak.

**Kata kunci:** Undang-undang Islam, *fara'id*, harta pusaka, *haml*, teori *al-ihtimalat*

### *METHODS OF INHERITANCE IN THE CASE AL-HAML*

### ABSTRACT

*Issues in the division of Islamic inheritance from day to day and remaining unsolved inheritance issues are worrisome. The issue of fetal in the womb among beneficiaries is part of issue that contributes to the increasing number of unresolved inheritances. This article reviews the inheritance distribution method in the case of fetal inheritance in the womb or known as al-haml. For this purpose, this article highlights the theory of al-ihtimalat as the basic of discussion. The study was a qualitative study and the data were obtained through library method and data were analyzed descriptively. In order to solve the problem of inheritance administration, this study has successfully suggested a solution method in which the theory of al-ihtimalat can solve the problems of inheritance administration in the case of al-haml. This study concludes that al-haml is entitled to inherit the inheritance of his deceased benefactor based on the faraid law which has been specified by syarak.*

**Keywords:** Islamic law, *fara'id*, inheritance, *al-haml*, the theory of *al-ihtimalat*

## PENDAHULUAN

Para fuqaha serta ulamak *al-faraḍī* secara umumnya mereka sepakat tiada perselisihan dalam mendefinisikan *al-haml*. Perkataan *al-haml* berasal dari kalimah (*hamala*, حَمَلَ, *yahmilu*, يَحْمِلُ, *hamlan*, حَمَلَنَا) yang bermaksud membawa.<sup>1</sup> *Al-haml* juga membawa maksud mengandung.<sup>2</sup> Perkataan ini ada disebut di dalam al-Quran sebagai mana dalam firman Allah SWT;

1. Dalam surah *al-‘ankabūt*:

وَكَأَيْنِ مِنْ دَائِيَةٍ لَا تَحْمِلُ رِزْقَهَا اللَّهُ يَرْزُقُهَا وَإِيَّاكُمْ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya: Dan (ingatlah) berapa banyak binatang yang tidak membawa rezekinya bersama, Allah jualah yang memberi rezeki kepadanya dan kepada kamu; dan dia lah jua yang maha mendengar, lagi maha mengetahui.<sup>3</sup>

2. Dalam surah *al-ahzāb*:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلُنَّهَا وَأَشْفَقُنَّ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ  
إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Maksudnya: Sesungguhnya kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (ingatlah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.<sup>4</sup>

3. Dalam surah *al-baqarah*:

وَلَا تَحْمِلْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْنَاهُ عَلَى الدِّينِ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ

Maksudnya: Wahai tuhan kami, janganlah engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai tuhan kami, janganlah engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya.<sup>5</sup>

4. Dalam surah *al-juma’ah*:

مَثَلُ الدِّينِ حُمِلُوا التَّوْرَاةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا

Maksudnya: Bandingan orang-orang (Yahudi) yang diberi tanggungjawab dan ditugaskan (mengetahui dan melaksanakan hukum) kitab Taurat, kemudian mereka

<sup>1</sup> Ibnu Manzūr, Muhammad Mukrim, 1994, *Lisānū al-‘Arab*, Beirut Lubnan, *Dāru Ṣādir*, jld. 11, hlm. 172.

<sup>2</sup> Abu Abdullah Hanafi Dollah, 2015, *Kamus al-Khalil*, Selangor Malaysia, Firdaus Press Sdn. Bhd, hlm. 447.

<sup>3</sup> Surah al-‘Ankabūt, 29:60.

<sup>4</sup> Surah al-Ahzāb, 33:72.

<sup>5</sup> Surah al-Baqarah, 2:286.

tidak menyempurnakan tanggungjawab dan tugas itu, perumpamaan seperti keldai yang memikul kitab-kitab besar (sedang ia tidak mengetahui kandungannya).<sup>6</sup>

5. Dalam surah *al-a'rāf*:

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا لِيُسْكُنَ إِلَيْهَا فَلَمَّا تَعَشَّاهَا حَمَلَتْ حَمْلًا  
خَفِيفًا

Maksudnya: Dialah (Allah) yang menciptakan kamu semua dari (hakikat) diri yang satu, dan ia mengadakan daripada hakikat itu pasangannya (diri suami isteri), untuk bersenang hati dan hidup mesra yang satu kepada yang lain. Ketika suami mencampuri isterinya, mengandunglah ia dengan kandungan yang ringan.<sup>7</sup>

6. Dalam surah *al-talāq*:

وَأُولَئِكُمُ الْأَحْمَالُ أَجْلُهُنَّ أَنْ يَضْعُنَ حَمْلَهُنَّ

Maksudnya: Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh idahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya.<sup>8</sup>

7. Dalam surah *al-ahqāf*:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ إِحْسَانًا حَمَلَتْ أُمُّهُ كُرْبَهَا وَوَضَعَتْهُ كُرْبَهَا وَحَمْلَهُ وَفَصَالُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا

Maksudnya: Dan kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah, dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan.<sup>9</sup>

8. Dalam surah *luqmān*:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْ أُمُّهُ وَهُنَّ عَلَى وَهْنٍ

Maksudnya: Dan kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya).<sup>10</sup>

Dari sudut istilah *al-haml* membawa maksud janin dalam kandungan, iaitu apa yang terkandung di dalam perut ibu, sama ada anak lelaki atau perempuan.<sup>11</sup> Janin yang terhasil daripada hubungan yang sah dari segi syarak sahaja yang akan dikira sebagai ahli waris untuk mewarisi harta pusaka, bukannya benih yang terhasil daripada hubungan yang diharamkan dalam syarak seperti anak

<sup>6</sup> Surah al-Jumā'ah, 62:5.

<sup>7</sup> Surah al-A'rāf, 7:189.

<sup>8</sup> Surah al-Talāq, 65:4.

<sup>9</sup> Surah al-Ahqāf, 46:15.

<sup>10</sup> Surah Luqmān, 31:14.

<sup>11</sup> Al-Šabūnī, Muhammad Ali, 2008, *Al-Mawāith Fi al-Shari'ah al-Islāmiyah Fi Da'a al-Kitab Wa al-Sunnah*. Beirut Lubnan, *Syarikah Abnā' Sharif al-Anṣāri*, hlm. 199.

zina di mana ia tidak dikira sebagai ahli waris serta tidak boleh mewarisi harta pusaka dari sebelah bapanya ia hanya mewarisi dari sebelah ibunya sahaja. Imam Tirmizi telah meriwayatkan hadis daripada Amru bin Syu'ib bahawa Rasulallah SAW telah bersabda:

أيما رجل عاهر بمحرّمة أو أمة فالولد ولد زنا لا يرث ولا يورث

Maksudnya: Mana-mana lelaki yang berzina dengan perempuan merdeka atau seorang hamba, maka anak tersebut adalah anak zina, dia tidak boleh mewarisi (harta pusaka bapa zinanya) dan tidak boleh diwarisi (harta pusaka anak zina tersebut).<sup>12</sup>

Kedudukan anak zina telah ditetapkan sebagai anak tidak sah taraf sebagai mana yang telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

- a) Anak Tak Sah Taraf ialah: Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhab atau bukan daripada anak perhambaan. Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 Lahzah (saat) mengikut Takwim Qamariyah daripada tarikh Tamkin (setubuh).
- b) Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali.<sup>13</sup>

Dalam perkara ini, anak zina tidak dikira sebagai ahli waris dalam pembahagian harta pusaka dia hanya mewarisi harta pusaka dari sebelah ibunya sahaja dan tidak mewarisi harta pusaka dari sebelah bapanya. Sama juga dengan janin yang lahir daripada kaedah khidmat Ibu Tumpang untuk mendapatkan zuriat adalah tidak boleh mewarisi harta pusaka kerana diharamkan dalam syarak dan akan bermasalah dalam menentukan nasab. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-80 yang bersidang pada 1 hingga 3 Februari 2008 telah membincangkan Hukum Menggunakan Kaedah Khidmat Ibu Tumpang (*surrogate motherhood*) untuk mendapatkan zuriat dan telah bersetuju memutuskan seperti berikut:

Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa menggunakan khidmat ibu tumpang untuk mendapatkan zuriat adalah diharamkan oleh Islam walaupun *sperma* dan *ovum* adalah diambil daripada pasangan suami isteri yang sah kerana ia akan menyebabkan berlakunya kekeliruan nasab anak yang akan dilahirkan.

- 1) Ibu tumpang adalah merujuk kepada seseorang yang mengambil alih tempat ibu secara *biological* dengan membenarkan bayi berkembang atau hidup di dalam rahimnya dan seterusnya bertanggungjawab melahirkan anak kandungnya. Setelah dilahirkan bayi akan diserahkan kepada pasangan yang merancang untuk menjadi ibu bapa (*intended parents*) biasanya pasangan suami isteri yang mengalami masalah kesuburan, mandul atau isteri tidak dapat mengandung kerana masalah tertentu.
- 2) Ketidaktentuan nasab merupakan aspek yang paling besar dalam kelahiran seorang bayi yang di kandung oleh ibu tumpang. Seorang ibu tumpang berbangsa Inggeris berkulit putih misalnya boleh melahirkan seorang bayi yang berbangsa Negro yang berkulit hitam atau sebaliknya.<sup>14</sup>

<sup>12</sup> Al-Tirmizī (2004). *Sunan al-Tirmizī*. Bab Ma Ja'a Fi Ibṭali Mirāth Waladu Al-Zinā. no. Hadis 2113. Cairo, Mesir : Dārū Ibnu Al-Haitham. hlm 536.

<sup>13</sup> Fatwa Kebangsaan Malaysia, Kali Ke-57.

<sup>14</sup> Fatwa Kebangsaan Malaysia, Kali Ke-57.

Termasuk juga janin yang terhasil daripada pengklonan manusia ialah percubaan untuk mewujudkan (mencipta) satu makhluk (manusia, haiwan atau tumbuhan) satu sel atau satu bahagiannya, ia dapat berkembang melalui jalan persenyawaan secara tabung uji.<sup>15</sup> Janin seperti ini tidak boleh mewarisi harta pusaka, sebagaimana yang telah diwartakan dalam Fatwa Tentang Hukum Pengklonan Pembiakan Manusia Dan Perubatan Dari Sudut Syarak, Fatwa Negeri Selangor pada 28 Ogos 2003 telah memutuskan seperti berikut:

Hukum pengklonan pembiakan manusia dan perubatan adalah haram. Ini adalah berdasarkan hujah seperti berikut:

- 1) Anak yang diklon bukanlah dilahirkan dari perkahwinan yang sah. Ia tidak mempunyai bapa yang sepatusnya bertanggungjawab memberi nafkah kepada anak tersebut.
- 2) Dari segi nasab anak klon juga akan menghadapi masalah yang sama. Anak klon tidak dapat diangkat menjadikan anak sendiri.
- 3) Dari segi pusaka, kerana anak pengklonan tidak ada hubungan darah dan kerabat yang sebenarnya, tidak berhak mendapat pusaka atau menjadi sebab untuk dia memperolehi warisan. Tidak ada ukuran syarak yang boleh dibuat kepada anak klon bagi membolehkannya memperolehi harta pusaka.<sup>16</sup>

Adapun yang dimaksudkan *al-haml* dalam kajian ini adalah janin dalam kandungan waris perempuan yang terhasil daripada ikatan yang sah dari segi syarak. Sama ada waris itu adalah ibu kepada si mati atau isteri kepada si mati, atau adik-beradik perempuan si mati. Ia apabila seseorang mati meninggalkan ahli waris perempuan yang sedang hamil seperti ibu kepada si mati yang sedang hamil atau isteri kepada si mati yang sedang hamil, atau adik-beradik perempuan kepada si mati yang sedang hamil. Janin dalam kandungan tersebut dinamakan sebagai *al-haml* dan ia adalah sebagai anak sah taraf.

### **Hak Pewarisan Harta Pusaka *Al-Haml***

Hukum syarak telah menetapkan bahawa *al-haml* berhak mewarisi harta pusaka daripada ahli warisnya, *al-haml* juga dikira sebagai pewaris harta pusaka. Telah disepakati oleh para ulamak serta tiada khilaf bahawa *al-haml* adalah berhak untuk mewarisi harta pusaka apabila menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan.<sup>17</sup> Bersandarkan kepada dalil hadis yang telah diriwayatkan oleh imam Ibnu Majah bahawa Nabi SAW telah bersabda:

إِذَا اسْتَهَلَ الصَّيْءُ، صُلِّيَ عَلَيْهِ وَوُرِثَ

Maksudnya: Apabila bersuara bayi tersebut (janin yang dilahirkan), disolatkan ke atasnya, dan ia berhak mewarisi harta pusaka.<sup>18</sup>

Serta berdalil juga dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Nabi SAW telah bersabda:

<sup>15</sup> Basri Bin Ibrahim al-Hasani, Mohd Puzhi Bin Usop, 2007, *Isu-isu Fiqh Perubatan Semasa*, Kuala Lumpur, Al-Hidayah Publication, hlm. 294.

<sup>16</sup> Fatwa Negeri Selangor, 28 Ogos 2003.

<sup>17</sup> Al-Lühim, Abdul Karim Muhammad, 1986, *Al-Fara'aid*. Riyad, Arab Saudi, *Maktabah al-Ma'rif*, hlm. 141.

<sup>18</sup> Al-Qarwīnī, Muhammad Zaidi, 2005, *Sunan Ibnu Majah*, Kitab al-Janā'iz, Bab Mā Jā'a Fī al-Ṣalāh 'Alā al-Tiflī, no. hadis 1508, Kaherah Mesir, *Dāru Ibnu al-Haitham*, jld. 2, hlm. 118.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا اسْتَهَلَ الْمَوْلُودُ وُرْثَةً

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah R.A telah berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: Apabila bersuara bayi tersebut (janin yang dilahirkan), ia berhak mewarisi harta pusaka.<sup>19</sup>

Imam Bukhārī juga meriwayatkan bahawa Ibnu Shihāb telah berkata:

إِذَا اسْتَهَلَ صَارِخًا صُلُّي عَلَيْهِ، وَلَا يُصَلَّى عَلَى مَنْ لَا يَسْتَهَلُ مِنْ أَجْلِ اللَّهِ سِقْطٌ

Maksudnya: Apabila (janin yang dilahirkan) itu bersuara jelas disolatkan ke atasnya, dan tidak disolatkan apabila (janin yang dilahirkan) yang tidak bersuara disebabkan janin tersebut senyap.<sup>20</sup>

Yang dimaksudkan dengan *istaballa* (استَهَلَ) iaitu mengangkat suaranya sama ada dengan menangis atau berteriak.<sup>21</sup> Berdasarkan kepada dalil-dalil yang telah dinyatakan tadi jelaslah bahawa *al-haml* adalah berhak untuk mewarisi harta pusaka daripada ahli warisnya yang telah meninggal dunia. Apabila dilahirkan dalam keadaan hidup walau pun hanya seketika. Ia layak mewarisi harta pusaka daripada si mati walaupun ketika kematian ahli waris tersebut *al-haml* masih dalam kandungan. Perkara ini telah disepakati oleh para ulamak Islam serta telah menjadi ijmak dalam kalangan fuqaha tiada perselisihan bahawa *al-haml* boleh mewarisi harta pusaka apabila menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan.<sup>22</sup>

Dalil-dalil pewarisan *al-haml* yang telah dinyatakan ini adalah jelas bahawa *al-haml* berhak untuk mewarisi harta pusaka daripada ahli warisnya. Oleh itu, dalam sesetengah keadaan pembahagian harta pusaka perlu disegerakan untuk mengelak masalah yang lebih besar sekiranya harta pusaka itu tidak diagihkan dengan segera. Dalam situasi seperti ini, adalah wajar *al-haml* tidak dinafikan haknya untuk mewarisi harta pusaka daripada ahli warisnya. Penulis akan bincangkan kaedah pembahagian harta pusaka kes *al-haml* disegerakan atau ditangguhkan sehingga melahirkan bayi tersebut (*al-haml*) dalam bab yang akan datang.

### Syarat bagi *Al-Haml* dalam Mewarisi Harta Pusaka

Apabila berlaku kematian seseorang, si mati tersebut mempunyai ahli warisnya yang sedang hamil, dan syarat bagi janin tersebut untuk mewarisi harta pusaka daripada si mati itu mestilah menepati syarat yang telah disepakati oleh para fuqaha dengan dua syarat, iaitu;

Syarat pertama: Janin yang ada dalam perut ibu yang sedang mengandung itu telah wujud ketika kematian waris tersebut, walaupun janin itu baru di peringkat *nūtjāh* (sperma).<sup>23</sup> Syaratnya mestilah benih itu sudah ada dalam rahim tersebut, sekiranya benih tersebut wujud setelah kematian ia tidak mewarisi pusaka, kerana benih tersebut bukan daripada benih si mati. Ini kerana, syarat mewarisi harta pusaka terdiri daripada tiga syarat iaitu: Mati pemilik harta (*mautul muwarith*), waris

<sup>19</sup> Al-Šibhānī, Sulaiman al-‘Asha’ath, 2008, *Sunan Abi Dawud*, Kitab al-Farā’id, Bab Fī al-Maulūd Yastahillu Thumma Yamūt, no. hadis 2920, Cairo Mesir, *Dāru Ibnu al-Haitham*, jld. 2, hlm. 96.

<sup>20</sup> Al-Bukhārī, Muhammad Ibn Ismail, 2004, *Ṣaḥīḥ Buḥkārī*, Kitab al-Janā’iz, Bab Ḥiza Aslama al-Šabīyu Famāta Hal yuṣallī ‘Alaihi’, no. hadis 1358, Cairo Mesir, *Dāru al-Afaq al-‘Arabiyyah*, jld. 1, hlm. 305.

<sup>21</sup> Al-Šabūnī, Muhammad Ali, 2008, hlm. 200.

<sup>22</sup> Al-Lūhīm, Abdul Karim Muhammad, 1986, hlm. 141.

<sup>23</sup> Al-Ghāmidī, Nasir Bin Muhammad, 2011, *Al-Khulasah Fi ‘Ilmi al-Farā’id*, Makkah EAU, *Darul Tayyibah al-Khadra’*, hlm. 402.

hidup ketika pemilik harta mati (*hayātul wārith waqtu manti al-muwarrith*) dan mengetahui jalur nasab ahli waris (*al-‘ilmu bi jihat al-irthi*).<sup>24</sup>

Syarat kedua: Dilahirkan hidup dengan hayat *mustaqirrah* dan hendaklah dilahirkan semuanya dalam keadaan hidup. Tanda-tanda hidupnya seperti menangis, bersin, ada bergerak, bernafas dan sebagainya. Bayi ini mewarisi harta pusaka walaupun hanya hidup seketika dan kemudian meninggal dunia. Sekiranya dilahirkan mati, bayi tersebut tidak mewarisi.<sup>25</sup> Bersandarkan kepada dalil hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Nabi S.A.W telah bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا اسْتَهَلَ الْمَوْلُودُ وَرَثَ

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah R.A telah berkata bahawa Rasulullah S.A.W bersabda: Apabila bersuara bayi tersebut (bayi yang dilahirkan), ia berhak mewarisi harta pusaka.<sup>26</sup>

Walaupun dilahirkan hidup hanya dengan teriakan atau tangisan sekali sahaja setelah itu mati, maka dia tetap dapat mewarisi harta pusaka, tidak diambil kira dari segi fizikalnya iaitu sempurna atau tidak seperti Orang Kurang Upaya (OKU) atau sebagainya, semuanya dapat mewarisi harta pusaka kerana syaratnya adalah hidup. Ini kerana perkara yang menghalang seseorang itu daripada mewarisi harta pusaka adalah apabila ada pada ahli waris itu salah satu daripada tiga perkara iaitu; menjadi hamba, pembunuhan dan berlainan agama.<sup>27</sup>

## **KAEDAH AGIHAN HARTA PUSAKA DALAM ISU *AL-HAML***

Apabila berlaku kematian seseorang, pastikan terlebih dahulu dalam kalangan ahli waris yang layak menerima harta pusaka tersebut adakah hamil atau tidak, sebelum buat pembahagian harta pusaka. Sebagai mana telah dijelaskan bahawa janin dalam kandungan atau *al-haml* adalah berhak untuk mewarisi harta pusaka juga daripada ahli warisnya. Untuk mengesahkan kehamilan perlulah mendapatkan pengesahan pakar Obstetrik & Ginekologi bagi mengelak dari kekeliruan di kalangan ahli waris. Setelah disahkan bahawa terdapat ahli waris yang layak mewarisi harta pusaka tersebut hamil, barulah pembahagian harta pusaka diagihkan dengan dua kaedah; pertama: Ditangguhkan pembahagian harta pusaka tersebut sehingga janin itu dilahirkan. Kedua: Dipercepatkan pembahagian harta pusaka sebelum janin dalam kandungan itu dilahirkan dengan menggunakan teori *al-Ihtimālat*.

### **Kaedah Ditangguhkan Pembahagian Pusaka *Al-haml***

Dengan persetujuan ahli waris untuk ditangguhkan pembahagian harta pusaka tersebut sehingga janin dalam kandungan itu dilahirkan terlebih dahulu. Ditangguhkan pembahagian harta tersebut adalah lebih utama untuk mengelak daripada perselisihan kerana pembahagiannya adalah hanya sekali sahaja.<sup>28</sup> Dalam masalah ini, ahli waris perlu melihat sekiranya mereka menangguhkan pembahagian harta tersebut sehingga janin dalam kandungan itu dilahirkan tidak mendatangkan masalah yang akan berlaku, seperti waris hilang atau berlaku kematian ahli waris yang lain dalam

<sup>24</sup> Muhammad Mirābī, 2008, *Al-Rahābiyah Fi ‘Ilm al-Farā’id*, Bairut, Lubnan, Muassasah Al-Risālah Nashīrun, hlm. 23.

<sup>25</sup> Wan Abdul Halim Wan Harun, 2006, *Pengurusan dan Pembahagian Harta pusaka*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 54.

<sup>26</sup> Al-Šibhānī, Sulaiman al-‘Asha`ath, 2008, *Sunan Abi Dawud*, Kitab al-Farā’id, Bab Fī al-Maulūd Yastahillu Thumma Yamūt, no. hadis 2920, Cairo Mesir, *Dāru Ibnu al-Haitham*, jld. 2, hlm. 96.

<sup>27</sup> Muhammad Mirābī, 2008, hlm. 25.

<sup>28</sup> Al-Lūhim, Abdul Karim Muhammad, 1986, hlm. 143.

tempoh tersebut. Ia akan membawa kepada permasalahan kes *al-mafqūd* atau *al-munāsakhāt* ini akan menjadi lebih rumit.

Jika tidak ada permasalahan yang berlaku, pembahagian boleh diagihkan setelah janin itu dilahirkan, dengan syarat dilahirkan dalam keadaan hidup maka dia boleh mewarisi harta pusaka, jika janin tersebut mati maka dia tidak boleh mewarisi harta pusaka. Contoh masalah: Seorang lelaki mati meninggalkan warisnya iaitu ibu, bapa, seorang isteri yang sedang hamil dan seorang anak lelaki (AL). Si mati mempunyai harta sebanyak RM48 bilion. Ditangguhkan pembahagian pusaka tersebut sehingga isteri si mati melahirkan anaknya, andai *al-haml* tersebut dilahirkan dalam keadaan hidup sebagai seorang anak lelaki (AL). Ini bermakna ahli waris yang layak menerima pusaka ialah ibu, bapa, seorang isteri dan dua seorang anak lelaki (AL). Pengiraannya adalah seperti kiraan *faraid* biasa, seperti **Jadual 1**:

**Jadual 1 : Pengiraan harta pusaka *al-haml* setelah dilahirkan hidup**

| Waris  | Kadar         | Pengiraan 1 |     | Pengiraan 2 |    |
|--------|---------------|-------------|-----|-------------|----|
|        |               | 24          |     |             | 48 |
| Bapa   | $\frac{1}{6}$ | 4           |     |             | 8  |
| Ibu    | $\frac{1}{6}$ | 4           | X 2 |             | 8  |
| Isteri | $\frac{1}{8}$ | 3           |     |             | 6  |
| AL (1) | $\Sigma$      | 13          |     |             | 13 |
| AL (2) |               |             |     |             | 13 |

Dalam **Jadual 1**, sekiranya kandungan yang dilahirkan itu adalah hidup. Maka bapa mendapat satu perenam kerana si mati ada *far'u wāris* iaitu anak lelaki, ibu mendapat satu perenam juga kerana si mati ada *far'u wāris* iaitu anak lelaki, isteri mendapat satu perlapan kerana si mati ada *far'u wāris* iaitu anak lelaki, dua orang anak lelaki (AL) mendapat '*aṣabah bi naffih*. *Aṣlu al-masalah* ialah angka yang diambil daripada pecahan yang berlainan penyebut ditukarkan kepada pecahan setara yang sama penyebut antara kadar ahli waris ( $\frac{1}{6} + \frac{1}{6} + \frac{1}{8} = \frac{4}{24} + \frac{4}{24} + \frac{3}{24}$ ) adalah dua puluh empat, bahagian untuk bapa ialah empat saham, bagi ibu ialah empat saham, isteri mendapat tiga saham dan bakinya adalah tiga belas saham untuk dua orang anak lelaki (AL) kongsi dalam saham tersebut.

Kemudian mulakan dengan *tashih* kerana angka 13 tidak boleh dibahagikan dengan angka 2 kerana ia akan menjadi perpuluhan. Oleh itu, dikalikan bilangan anak lelaki (AL) dengan *aṣlu al-masalah* dan setiap saham. Hasil setelah *tashih aṣlu al-masalah* ialah empat puluh lapan, bahagian untuk bapa ialah lapan saham, bagi ibu ialah lapan saham, isteri mendapat enam saham dan bakinya adalah dua puluh enam saham untuk dua orang anak lelaki (AL) iaitu setiap seorang anak lelaki (AL) mendapat tiga belas saham.

**Jadual 2** menerangkan mengenai pembahagian harta, kaedahnya ialah dibahagikan jumlah harta dengan *aṣlu al-masalah* kemudian dikalikan dengan saham ahli waris. Hasil pembahagian harta. Bahagian untuk bapa mendapat pusaka sebanyak RM8 bilion, ibu mendapat pusaka sebanyak RM8 bilion, isteri mendapat pusaka sebanyak RM6 bilion dan bakinya adalah RM26 bilion untuk dua orang anak lelaki (AL) iaitu setiap seorang anak lelaki (AL) mendapat sebanyak RM13 bilion.

**Jadual 2:** Pembahagian harta pusaka *Al-haml* setelah dilahirkan hidup

| Bil. | Waris  | Hasil Pembahagian  |
|------|--------|--|
| 1.   | Bapa   | $\frac{\text{RM } 48 \text{ Bilion}}{48} \times 8 = \text{RM } 8 \text{ Bilion}$   |
| 2.   | Ibu    | $\frac{\text{RM } 48 \text{ Bilion}}{48} \times 8 = \text{RM } 8 \text{ Bilion}$   |
| 3.   | Isteri | $\frac{\text{RM } 48 \text{ Bilion}}{48} \times 6 = \text{RM } 6 \text{ Bilion}$   |
| 4.   | AL (1) | $\frac{\text{RM } 48 \text{ Bilion}}{48} \times 13 = \text{RM } 13 \text{ Bilion}$ |
| 5.   | AL (2) | $\frac{\text{RM } 48 \text{ Bilion}}{48} \times 13 = \text{RM } 13 \text{ Bilion}$ |

Dalam masalah ini, sekiranya terbukti bahawa janin dalam kandungan tersebut dilahirkan mati, tidak ada tanda-tanda bahawa janin tersebut hidup semasa telah dilahirkan dan disahkan mati. Maka ahli waris yang layak menerima pusaka ialah ibu, bapa, seorang isteri dan seorang anak lelaki (AL), *al-haml* pada situasi ini tidak boleh mewarisi. Pengiraannya adalah seperti kiraan faraid biasa, seperti berikut (rujuk **Jadual 3**).

**Jadual 3:** Pengiraan Harta Pusaka *Al-haml* Setelah Dilahirkan Mati

| Waris          | Kadar         | Pengiraan 1 |
|----------------|---------------|-------------|
|                |               | 24          |
| Bapa           | $\frac{1}{6}$ | 4           |
| Ibu            | $\frac{1}{6}$ | 4           |
| Isteri         | $\frac{1}{8}$ | 3           |
| AL             | $\Sigma$      | 13          |
| <i>Al-haml</i> | -             | -           |

Dalam **Jadual 3**, sekiranya kandungan yang dilahirkan itu adalah mati. Bapa mendapat satu perenam kerana si mati ada *far'u wāris* iaitu anak lelaki, ibu mendapat satu perenam juga kerana si mati ada *far'u wāris* iaitu anak lelaki, isteri mendapat satu perlapan kerana si mati ada *far'u wāris*, anak lelaki (AL) mendapat *'asabah bi nafsib*.

*Aşlu al-masalah* ialah angka yang diambil daripada pecahan yang berlainan penyebut ditukarkan kepada pecahan setara yang sama penyebut antara kadar ahli waris ( $\frac{1}{6} + \frac{1}{6} + \frac{1}{8} = \frac{4}{24} + \frac{4}{24} + \frac{3}{24}$ ) adalah dua puluh empat, bahagian untuk bapa ialah empat saham, bagi ibu ialah empat saham, isteri mendapat tiga saham dan bakinya adalah tiga belas saham untuk anak lelaki (AL). Tiada saham untuk *Al-haml*.


Dalam **Jadual 4** adalah pembahagian harta, kaedahnya ialah dibahagikan jumlah harta dengan *aşlu al-masalah* kemudian dikalikan dengan saham ahli waris. Hasil pembahagian harta. Bahagian untuk bapa mendapat pusaka sebanyak RM8 bilion, ibu mendapat pusaka sebanyak RM8 bilion, isteri mendapat pusaka sebanyak RM6 bilion dan bakinya adalah RM26 bilion untuk anak lelaki (AL). *Al-haml* tidak dapat mewarisi harta tersebut.

**Jadual 4 : Pembahagian Harta Pusaka *Al-haml* Setelah Dilahirkan Mati**

| Bil. | Waris          | Hasil Pembahagian  |
|------|----------------|--|
| 1.   | Bapa           | $\frac{\text{RM } 48 \text{ Bilion}}{24} \times 4 = \text{RM } 8 \text{ Bilion}$   |
| 2.   | Ibu            | $\frac{\text{RM } 48 \text{ Bilion}}{24} \times 4 = \text{RM } 8 \text{ Bilion}$   |
| 3.   | Isteri         | $\frac{\text{RM } 48 \text{ Bilion}}{24} \times 3 = \text{RM } 6 \text{ Bilion}$   |
| 4.   | AL             | $\frac{\text{RM } 48 \text{ Bilion}}{24} \times 13 = \text{RM } 26 \text{ Bilion}$ |
| 5.   | <i>Al-haml</i> | $\frac{\text{RM } 48 \text{ Bilion}}{24} \times 0 = \text{RM } 0$                  |

#### Kaedah Dipercepatkan Pembahagian Pusaka *Al-haml*

Kaedah dipercepatkan pembahagian harta pusaka tersebut berlaku apabila ada tuntutan daripada ahli waris yang mahukan supaya pembahagian itu disegerakan, untuk mengelak daripada berlakunya pecah amanah dalam menjaga harta pusaka si mati. Atau ditakuti berlaku kes hilang ahli waris serta kematian berlapis di kalangan ahli waris sekiranya menunggu sehingga kandungan itu dilahirkan. Maka boleh dibahagikan dengan menggunakan teori *al-ihtimalāt* (Andaian) walaupun janin itu masih dalam kandungan. Untuk pengiraan dalam kes ini, *al-haml* dibuat andaian dalam enam keadaan, iaitu mati, atau hidup sebagai seorang anak lelaki (1 AL), atau seorang anak perempuan(1 AP), atau kembar dua orang anak lelaki (2 AL), atau kembar dua orang anak perempuan (2 AP), atau kembar seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan (1 AL, 1 AP).<sup>29</sup>



**Rajah 1: Teori *al-Ihtimālat***

Teori *al-ihtimalāt* ialah kaedah pengiraan dan cara pembahagian harta pusaka bagi kes *al-haml*, kaedah ini telah guna pakai oleh para ulamak salaf ia dapat di lihat dalam karya ilmuwan Islam seperti imam Muhammad bin Ali bin Muhammad Al-Rahabī dalam kitabnya yang berjudul *al-raḥbīyah fī 'ilmi al-fara'a'id* dan ulamak *khalf* seperti imam Muhammad bin Ali Al-Šabūnī dalam kitabnya yang

<sup>29</sup> Ahmad bin Omar Bāzmūl, 2010, *Qawa'id Wa Dawabit Fi Fiqh al-Fara'a'id Wa al-Mawāarith*, Kaherah Mesir, Dāru al-Furqān, hlm. 81.

berjudul *al-mawārith fi al-shari'ah al-islāmiyah fi dā'i al-kitāb wa al-sunnah*. Berdasarkan kepada kaedah silam dan menggunakan gabungan matematik moden penulis menjadikan ianya sebagai teori yang dinamakan *al-ihtimalat*. Iaitu dibuat andaian dalam enam keadaan setelah itu barulah dimulakan dengan pengiraan *al-jam'u* iaitu digabungkan kesemua pengiraan daripada enam andaian tersebut dan dibandingkan kesemua *aşlu al-masalah* untuk menyamakan dengan satu angka, seterusnya diambil saham yang paling minimum daripada kesemua pengiraan daripada enam andaian dalam *al-jam'u*.

Kaedah pembahagian harta pusaka bagi kes *al-haml* yang dipercepat pembahagiannya sebelum kelahiran *al-haml* akan melibatkan dua kali pembahagian;

- Pembahagian pertama** : Pembahagian sebelum kelahiran *al-haml*, waris yang layak menerima harta pusaka tersebut akan dibahagikan bahagiannya yang paling minimum mengikut pengiraan *al-jam'u*. Hasil daripada kiraan yang telah dibuat, bahagian yang lebih itu akan disimpan sehingga kelahiran *al-haml* tersebut.
- Pembahagian kedua** : Pembahagian selepas kelahiran *al-haml*, bahagian harta pusaka yang disimpan daripada lebihan pembahagian sebelum kelahiran *al-haml* tadi (Pembahagian Pertama) akan diagihkan kepada ahli waris serta anak yang baru dilahirkan tersebut.

Contoh masalah: Seorang lelaki mati meninggalkan warisnya iaitu ibu, bapa, seorang isteri yang sedang hamil. Si mati mempunyai harta sebanyak RM432 juta. Dipercepatkan pembahagian harta pusaka tersebut sebelum isteri si mati melahirkan anaknya, Pengiraannya adalah dengan menggunakan formula *al-ihtimalat*. Pengiraannya seperti berikut (rujuk **Jadual 5**):

**Jadual 5** : Andaian mati

| Waris                 | Kadar              | Pengiraan 1 |   |
|-----------------------|--------------------|-------------|---|
|                       |                    |             | 4 |
| Bapa                  | $\frac{1}{2}$      | 2           |   |
| Ibu                   | $\frac{1}{3}$ Baki | 1           |   |
| Isteri                | $\frac{1}{4}$      | 1           |   |
| <i>Al-haml</i> (Mati) | -                  | -           |   |

**Jadual 5** menunjukkan sekiranya kandungan yang dilahirkan itu adalah mati. Maka bapa mendapat '*aşabah bi nafsih*' kerana si mati tiada *far'u wāris*, jamhur ulamak berpendapat bahawa ibu mendapat satu pertiga baki dikhususkan pengiraan ini dikenali sebagai kes *al-umarriyatīn*,<sup>30</sup> isteri mendapat satu perempat kerana si mati tiada *far'u wāris*. *aşlu al-masalah* ialah empat, bahagian untuk bapa ialah dua saham, bagi ibu ialah satu saham, isteri mendapat satu saham.

**Jadual 6** menunjukkan pengiraan andaian *al-haml* hidup sebagai seorang anak lelaki (AL). Maka bapa mendapat satu perenam kerana si mati ada *far'u wāris* iaitu anak lelaki, ibu mendapat satu perenam juga kerana si mati ada *far'u wāris* iaitu anak lelaki, isteri mendapat satu perlapan kerana si mati ada *far'u wāris* iaitu anak lelaki, anak lelaki (AL) mendapat '*aşabah bi nafsih*'. *Aşlu al-masalah* ialah dua puluh empat, bahagian untuk bapa ialah empat saham, bagi ibu ialah empat saham, isteri mendapat tiga saham dan bakinya adalah tiga belas saham untuk anak lelaki (AL).

<sup>30</sup> Al-Şabūnī, Muhammad bin Ali, 2008, *Al-Mawārith Fi al-Shari'ah al-Islāmiyah Fi Dā'i al-Kitāb Wa al-Sunnah*, Bairut Lubnan, *Syurkāh Abna' Sharif al-Anṣārī*, hlm. 57.

**Jadual 6 :** Andaian hidup sebagai seorang anak lelaki (AL)

| Waris               | Kadar         | Pengiraan 1 |
|---------------------|---------------|-------------|
|                     |               | 24          |
| Bapa                | $\frac{1}{6}$ | 4           |
| Ibu                 | $\frac{1}{6}$ | 4           |
| Isteri              | $\frac{1}{8}$ | 3           |
| <i>Al-haml</i> (AL) | $\Sigma$      | 13          |

Dalam **Jadual 7** pengiraan andaian *al-haml* hidup sebagai seorang perempuan (AP). Maka bapa mendapat satu perenam dan ‘asabah bi nafsib kerana si mati tiada *far'u waris* lelaki, ibu mendapat satu perenam juga kerana si mati ada *far'u waris* iaitu anak perempuan, isteri mendapat satu perlapan kerana si mati ada *far'u waris* iaitu anak perempuan, anak perempuan (AP) mendapat satu perdua kerana bersendirian dan tiada anak lelaki. *Aşlu al-masalah* ialah dua puluh empat, bahagian untuk bapa ialah lima saham, bagi ibu ialah empat saham, isteri mendapat tiga saham dan anak perempuan (AP) mendapat dua belas saham.

**Jadual 7:** Andaian hidup sebagai seorang perempuan (AP)

| Waris               | Kadar                  | Pengiraan 1 |
|---------------------|------------------------|-------------|
|                     |                        | 24          |
| Bapa                | $\frac{1}{6} + \Sigma$ | $4+1=5$     |
| Ibu                 | $\frac{1}{6}$          | 4           |
| Isteri              | $\frac{1}{8}$          | 3           |
| <i>Al-haml</i> (AP) | $\frac{1}{2}$          | 12          |

Dalam **Jadual 8** pengiraan andaian *al-haml* hidup kembar dua orang anak lelaki (AL). Maka bapa mendapat satu perenam kerana si mati ada *far'u waris* iaitu anak lelaki, ibu mendapat satu perenam juga kerana si mati ada *far'u waris* iaitu anak lelaki, isteri mendapat satu perlapan kerana si mati ada *far'u waris* iaitu anak lelaki, dua orang anak lelaki (AL) mendapat ‘asabah bi nafsib. *Aşlu al-masalah* ialah dua puluh empat, bahagian untuk bapa ialah empat saham, bagi ibu ialah empat saham, isteri mendapat tiga saham dan bakinya adalah tiga belas saham untuk dua orang anak lelaki (AL) kongsi dalam saham tersebut.

Kemudian mulakan dengan *taṣḥīḥ* kerana angka 13 tidak boleh dibahagikan dengan angka 2 kerana ia akan menjadi perpuluhan. Oleh itu, dikalikan bilangan anak lelaki (AL) dengan *aşlu al-masalah* dan setiap saham. Hasil setelah *taṣḥīḥ*, *aşlu al-masalah* ialah empat puluh lapan, bahagian untuk bapa ialah lapan saham, bagi ibu ialah lapan saham, isteri mendapat enam saham dan bakinya adalah dua puluh enam saham untuk dua orang anak lelaki (AL) iaitu setiap seorang anak lelaki (AL) mendapat tiga belas saham.

**Jadual 8 :** Andaian hidup sebagai kembar dua orang anak lelaki (AL)

| Waris                 | Kadar         | Pengiraan 1 | Pengiraan 2 |    |
|-----------------------|---------------|-------------|-------------|----|
|                       |               | 24          |             | 48 |
| Bapa                  | $\frac{1}{6}$ | 4           |             | 8  |
| Ibu                   | $\frac{1}{6}$ | 4           |             | 8  |
| Isteri                | $\frac{1}{8}$ | 3           | x 2         | 6  |
| <i>Al-haml</i> (AL) 1 | $\xi$         | 13          |             | 13 |
| <i>Al-haml</i> (AL) 2 |               |             |             | 13 |

Manakala, **Jadual 9** menerangkan pengiraan andaian *al-haml* hidup kembar dua orang anak perempuan (AP). Maka bapa mendapat satu perenam dan ‘aṣabah bi nafsib kerana si mati tiada *far’u wāris* lelaki, ibu mendapat satu perenam juga kerana si mati ada *far’u wāris* iaitu anak perempuan, isteri mendapat satu perlapan kerana si mati ada *far’u wāris* iaitu anak perempuan, dua anak perempuan (AP) mendapat dua pertiga kerana anak perempuan ada lebih dari seorang dan tiada anak lelaki. *Aṣlu al-masalah* ialah dua puluh empat, bahagian untuk bapa ialah empat saham, bagi ibu ialah empat saham, isteri mendapat tiga saham dan dua orang anak perempuan (AP) mendapat enam belas saham, setiap seorang anak perempuan (AP) mendapat lapan saham. *Aṣlu al-masalah ‘aul* (meningkat) kepada dua puluh tujuh.

**Jadual 9 :** Andaian hidup sebagai kembar dua orang anak perempuan (AP)

| Waris                 | Kadar               | Pengiraan 1 |    |
|-----------------------|---------------------|-------------|----|
|                       |                     | 27          | 24 |
| Bapa                  | $\frac{1}{6} + \xi$ | 4           |    |
| Ibu                   | $\frac{1}{6}$       | 4           |    |
| Isteri                | $\frac{1}{8}$       | 3           |    |
| <i>Al-haml</i> (AP) 1 | $\frac{2}{3}$       | 8           |    |
| <i>Al-haml</i> (AP) 2 | $\frac{2}{3}$       | 16          | 8  |

Dalam **Jadual 10** pengiraan andaian *al-haml* hidup kembar seorang anak lelaki (AL) dan seorang anak perempuan (AP). Maka bapa mendapat satu perenam kerana si mati ada *far’u wāris* iaitu anak, ibu mendapat satu perenam juga kerana si mati ada *far’u wāris* iaitu anak, isteri mendapat satu perlapan kerana si mati ada *far’u wāris* iaitu anak, anak lelaki (AL) dan anak perempuan (AP) mengambil ‘aṣabah bi ghairih. *Aṣlu al-masalah* ialah dua puluh empat, bahagian untuk bapa ialah empat saham, bagi ibu ialah empat saham, isteri mendapat tiga saham dan bakinya adalah tiga belas saham untuk anak lelaki (AL) dan anak perempuan (AP) kongsi dalam saham tersebut.

Kemudian mulakan dengan *taṣḥīḥ* kerana angka 13 tidak boleh dibahagikan dengan angka 2 kerana ia akan menjadi perpuluhan. Oleh itu, dikalikan bilangan anak (iaitu anak lelaki dikira dua

bahagian dan anak perempuan satu bahagian) dengan *aṣlu al-masalah* dan dikalikan juga setiap saham. Hasil setelah *taṣḥīḥ*, *aṣlu al-masalah* ialah tujuh puluh dua, bahagian untuk bapa ialah dua belas saham, bagi ibu ialah dua belas saham, isteri mendapat sembilan saham dan bakinya adalah tiga puluh sembilan saham untuk dua orang anak, iaitu untuk anak lelaki (AL) mendapat dua puluh enam saham dan anak perempuan (AP) mendapat tiga belas saham.

**Jadual 10:** Andaian hidup sebagai kembar AL dan AP

| Waris               | Kadar         | Pengiraan 1 | Pengiraan 2 |    |  |
|---------------------|---------------|-------------|-------------|----|--|
|                     |               | 24          | x 3         | 72 |  |
| Bapa                | $\frac{1}{6}$ | 4           |             | 12 |  |
| Ibu                 | $\frac{1}{6}$ | 4           |             | 12 |  |
| Isteri              | $\frac{1}{8}$ | 3           |             | 9  |  |
| <i>Al-haml</i> (AL) | $\xi$         | 13          |             | 26 |  |
| <i>Al-haml</i> (AP) |               |             |             | 13 |  |

Dalam **Jadual 11** pengiraan *al-jam'u* bagi kes *al-haml*, digabungkan kesemua pengiraan daripada enam andaian, iaitu mati, atau hidup sebagai seorang anak lelaki, atau seorang anak perempuan, atau kembar dua orang anak lelaki, atau kembar dua orang anak perempuan, atau kembar seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Serta dibandingkan kesemua *aṣlu al-masalah* untuk menyamakan dengan satu angka. Dan diambil saham yang paling minimum daripada kesemua pengiraan daripada enam andaian dalam *al-jam'u*. Hasilnya, *aṣlu al-masalah* bagi Pengiraan *al-jam'u* adalah 432, bahagian untuk bapa mendapat enam puluh empat saham, ibu mendapat enam puluh empat saham dan isteri mendapat empat puluh lapan saham. Bahagian yang disimpan adalah sebanyak 256 saham.

**Jadual 11:** Pengiraan harta pusaka *Al-haml* secara *al-Jam'u*

|   | A 1   | A 2  | A 3  | A 4 | A 5 | A 6  | J   |
|---|-------|------|------|-----|-----|------|-----|
| <b>Waris</b>                              | 432   | 432  | 432  | 432 | 432 | 432  | 432 |
|   | x 108 | x 18 | x 18 | x 6 | x 9 | x 16 |     |
| Bapa                                      | 216   | 72   | 90   | 72  | 64  | 72   | 64  |
| Ibu                                       | 108   | 72   | 72   | 72  | 64  | 72   | 64  |
| Isteri                                    | 108   | 54   | 54   | 54  | 48  | 54   | 48  |
| <i>Al-haml</i>                            | -     | 234  | 216  | 234 | 256 | 234  | -   |
| Bahagian yang disimpan sebanyak 256 saham |       |      |      |     |     |      |     |

#### Pembahagian Pertama Sebelum Kelahiran *Al-haml*

Untuk pembahagian harta sebelum kelahiran *al-haml*, saham yang paling minimum akan diberikan kepada ahli waris tersebut, iaitu diambil bahagiannya dari hasil pengiraan harta pusaka *al-haml* secara *al-jam'u* yang terdapat dalam **Jadual 11**. Kaedah pembahagian harta dengan cara dibahagikan jumlah harta dengan *aṣlu al-masalah* kemudian dikalikan dengan saham ahli waris. Seperti **Jadual 12** dibawah:

**Jadual 12 : Pembahagian Harta Pusaka Sebelum Kelahiran *Al-haml***

| Bil.  | Waris          | Hasil Pembahagian  |
|---|----------------|--|
| 1.  | Bapa           | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{432} \times 64 = \text{RM } 64 \text{ Juta}$ |
| 2.  | Ibu            | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{432} \times 64 = \text{RM } 64 \text{ Juta}$ |
| 3.  | Isteri         | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{432} \times 48 = \text{RM } 48 \text{ Juta}$ |
| 4.  | <i>Al-haml</i> | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{432} \times 0 = \text{RM } 0 \text{ Juta}$   |
| Harta pusaka yang disimpan sebanyak RM 256 Juta |                |  |

Hasil pembahagian harta, bahagian untuk bapa mendapat pusaka sebanyak RM64 juta, ibu mendapat pusaka sebanyak RM64 juta, isteri mendapat pusaka sebanyak RM48 juta. Untuk *al-haml* belum dibahagikan bahagiannya sehingga dia dilahirkan. Harta pusaka yang disimpan adalah sebanyak RM256 Juta.

#### Pembahagian Pusaka Selepas Kelahiran *Al-haml*

Harta pusaka sebanyak RM256 yang disimpan itu, akan diagihkan kepada ahli warisnya apabila *al-haml* dilahirkan. Pembahagiannya berdasarkan kepada *al-haml* yang dilahirkan itu, serta dirujuk kepada pengiraan harta pusaka yang telah dibuat dalam jadual. Sekiranya *al-haml* dilahirkan sebagai:

#### Telah Mati

Sekiranya *al-haml* dilahirkan dalam keadaan telah mati. Maka dirujuk kepada pengiraan dalam jadual 5 (Andaian Mati) untuk buat pembahagian harta pusaka, seperti **Jadual 13** berikut:

**Jadual 13: Pembahagian Selepas Kelahiran *Al-haml* 1**

| Bil. | Waris          | Hasil Bahagian   | Telah Mengambil | Baki        |
|------|----------------|--|-----------------|-------------|
| 1.   | Bapa           | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{4} \times 2 = \text{RM } 216 \text{ Juta}$ | RM 64 Juta      | RM 152 Juta |
| 2.   | Ibu            | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{4} \times 1 = \text{RM } 108 \text{ Juta}$ | RM 64 Juta      | RM 44 Juta  |
| 3.   | Isteri         | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{4} \times 1 = \text{RM } 108 \text{ Juta}$ | RM 48 Juta      | RM 60 Juta  |
| 4.   | <i>Al-haml</i> | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{4} \times 0 = \text{RM } 0$                | RM 0            | RM 0        |

Harta pusaka yang disimpan sebanyak RM256 juta itu diagihkan kepada ahli warisnya iaitu bahagian untuk bapa mendapat pusaka sebanyak RM152 juta, ibu mendapat pusaka sebanyak RM44 juta dan isteri mendapat pusaka sebanyak RM60 juta. *Al-haml* tidak mewarisi.

#### Seorang Anak Lelaki

Sekiranya *al-haml* dilahirkan dalam keadaan hidup sebagai seorang anak lelaki. Maka dirujuk kepada pengiraan dalam **Jadual 6** (Andaian Hidup Sebagai Seorang Anak Lelaki) untuk buat pembahagian harta pusaka, seperti berikut **Jadual 14** dibawah:

**Jadual 14:** Pembahagian Selepas Kelahiran *Al-haml* 2

| Bil. | Waris  | Hasil Bahagian   | Telah Mengambil | Baki        |
|------|--------|--|-----------------|-------------|
| 1.   | Bapa   | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{24} \times 4 = \text{RM } 72 \text{ Juta}$   | RM 64 Juta      | RM 8 Juta   |
| 2.   | Ibu    | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{24} \times 4 = \text{RM } 72 \text{ Juta}$   | RM 64 Juta      | RM 8 Juta   |
| 3.   | Isteri | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{24} \times 3 = \text{RM } 54 \text{ Juta}$   | RM 48 Juta      | RM 6 Juta   |
| 4.   | AL     | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{24} \times 13 = \text{RM } 234 \text{ Juta}$ | Tiada           | RM 234 Juta |

Harta pusaka yang disimpan sebanyak RM256 juta itu diagihkan kepada ahli warisnya iaitu bahagian untuk bapa mendapat pusaka sebanyak RM8 juta, ibu mendapat pusaka sebanyak RM8 juta, isteri mendapat pusaka sebanyak RM6 juta dan anak lelaki (AL) mendapat pusaka sebanyak RM234 juta.

### Seorang Anak Perempuan

Sekiranya *al-haml* dilahirkan dalam keadaan hidup sebagai seorang anak perempuan. Maka dirujuk kepada pengiraan dalam **Jadual 7** (Andaian Hidup Sebagai Seorang Anak Perempuan) untuk buat pembahagian harta pusaka, seperti berikut (rujuk **Jadual 15**):

**Jadual 15:** Pembahagian selepas kelahiran *Al-haml* 3

| Bil. | Waris  | Hasil Bahagian   | Telah Mengambil | Baki        |
|------|--------|--|-----------------|-------------|
| 1.   | Bapa   | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{24} \times 5 = \text{RM } 90 \text{ Juta}$   | RM 64 Juta      | RM 26 Juta  |
| 2.   | Ibu    | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{24} \times 4 = \text{RM } 72 \text{ Juta}$   | RM 64 Juta      | RM 8 Juta   |
| 3.   | Isteri | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{24} \times 3 = \text{RM } 54 \text{ Juta}$   | RM 48 Juta      | RM 6 Juta   |
| 4.   | AP     | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{24} \times 12 = \text{RM } 216 \text{ Juta}$ | Tiada           | RM 216 Juta |

Harta pusaka yang disimpan sebanyak RM256 juta itu diagihkan kepada ahli warisnya iaitu bahagian untuk bapa mendapat pusaka sebanyak RM26 juta, ibu mendapat pusaka sebanyak RM8 juta, isteri mendapat pusaka sebanyak RM6 juta dan anak perempuan (AP) mendapat pusaka sebanyak RM216 juta.

### Kembar Dua Orang Anak Lelaki

Sekiranya *al-haml* dilahirkan dalam keadaan hidup sebagai kembar dua orang anak lelaki. Maka dirujuk kepada pengiraan dalam **Jadual 8** (Andaian Hidup Sebagai Kembar Dua Orang Anak Lelaki) untuk buat pembahagian harta pusaka, seperti **Jadual 16** dibawah:

**Jadual 16 :** Pembahagian selepas kelahiran *Al-haml* 4

| Bil. | Waris  | Hasil Bahagian   | Telah Mengambil | Baki        |
|------|--------|--|-----------------|-------------|
| 1.   | Bapa   | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{48} \times 8 = \text{RM } 72 \text{ Juta}$   | RM 64 Juta      | RM 8 Juta   |
| 2.   | Ibu    | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{48} \times 8 = \text{RM } 72 \text{ Juta}$   | RM 64 Juta      | RM 8 Juta   |
| 3.   | Isteri | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{48} \times 6 = \text{RM } 54 \text{ Juta}$   | RM 48 Juta      | RM 6 Juta   |
| 4.   | AL (1) | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{48} \times 13 = \text{RM } 117 \text{ Juta}$ | Tiada           | RM 117 Juta |

|    |        |  |       |             |
|----|--------|--|-------|-------------|
| 5. | AL (2) | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{48} \times 13 = \text{RM } 117 \text{ Juta}$ | Tiada | RM 117 Juta |
|----|--------|--|-------|-------------|

Harta pusaka yang disimpan sebanyak RM256 juta itu diagihkan kepada ahli warisnya iaitu bahagian untuk bapa mendapat pusaka sebanyak RM8 juta, ibu mendapat pusaka sebanyak RM8 juta, isteri mendapat pusaka sebanyak RM6 juta, dan anak lelaki (AL) pertama mendapat pusaka sebanyak RM117 juta serta anak lelaki (AL) kedua mendapat pusaka sebanyak RM117 juta.

### Kembar Dua Orang Anak Perempuan

Sekiranya *al-haml* dilahirkan dalam keadaan hidup sebagai kembar dua orang anak perempuan. Maka dirujuk kepada pengiraan dalam jadual 9 (Andaian Hidup Sebagai Kembar Dua Orang Anak Perempuan) untuk buat pembahagian harta pusaka, seperti **Jadual 17** dibawah:

**Jadual 17:** Pembahagian selepas kelahiran *Al-haml* 5

| Bil. | Waris  | Hasil Bahagian  | Telah Mengambil | Baki        |
|------|--------|---|-----------------|-------------|
| 1.   | Bapa   | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{27} \times 4 = \text{RM } 64 \text{ Juta}$  | RM 64 Juta      | Tiada       |
| 2.   | Ibu    | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{27} \times 4 = \text{RM } 64 \text{ Juta}$  | RM 64 Juta      | Tiada       |
| 3.   | Isteri | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{27} \times 3 = \text{RM } 48 \text{ Juta}$  | RM 48 Juta      | Tiada       |
| 4.   | AP (1) | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{27} \times 8 = \text{RM } 128 \text{ Juta}$ | Tiada           | RM 128 Juta |
| 5.   | AP (2) | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{27} \times 8 = \text{RM } 128 \text{ Juta}$ | Tiada           | RM 128 Juta |

Harta pusaka yang disimpan sebanyak RM256 juta itu diagihkan kepada ahli warisnya iaitu untuk bapa tidak mendapat pusaka kerana telah mengambilnya, ibu tidak mendapat pusaka kerana telah mengambilnya, isteri tidak mendapat pusaka kerana telah mengambilnya, untuk anak perempuan (AP) pertama mendapat pusaka sebanyak RM128 juta serta anak perempuan (AP) kedua mendapat pusaka sebanyak RM128 juta.

### Kembar Seorang Anak Lelaki dan Seorang Anak Perempuan

Sekiranya *al-haml* dilahirkan dalam keadaan hidup sebagai kembar seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Maka dirujuk kepada pengiraan dalam **Jadual 10** (Andaian Hidup Sebagai Kembar Seorang Anak Lelaki Dan Seorang Anak Perempuan) untuk buat pembahagian harta pusaka, rujuk **Jadual 18** dibawah:

**Jadual 18 :** Pembahagian selepas kelahiran *Al-haml* 6

| Bil. | Waris  | Hasil Bahagian   | Telah Mengambil | Baki        |
|------|--------|--|-----------------|-------------|
| 1.   | Bapa   | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{72} \times 12 = \text{RM } 72 \text{ Juta}$  | RM 64 Juta      | RM 8 Juta   |
| 2.   | Ibu    | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{72} \times 12 = \text{RM } 72 \text{ Juta}$  | RM 64 Juta      | RM 8 Juta   |
| 3.   | Isteri | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{72} \times 9 = \text{RM } 54 \text{ Juta}$   | RM 48 Juta      | RM 6 Juta   |
| 4.   | AL     | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{72} \times 26 = \text{RM } 156 \text{ Juta}$ | Tiada           | RM 156 Juta |
| 5.   | AP     | $\frac{\text{RM } 432 \text{ Juta}}{72} \times 13 = \text{RM } 78 \text{ Juta}$  | Tiada           | RM 78 Juta  |

Harta pusaka yang disimpan sebanyak RM256 juta itu diagihkan kepada ahli warisnya iaitu bahagian untuk bapa mendapat pusaka sebanyak RM8 juta, ibu mendapat pusaka sebanyak RM8 juta, isteri mendapat pusaka sebanyak RM6 juta, dan anak lelaki (AL) mendapat pusaka sebanyak RM156 juta serta anak perempuan (AP) mendapat pusaka sebanyak RM78 juta.

## KESIMPULAN

Pensyariatan faraid merupakan salah satu contoh hukum yang dibentuk yang dapat memenuhi kemaslahatan untuk ahli keluarga dengan menentukan hak bagi setiap ahli waris yang berhak dan membantu ahli waris dalam meneruskan kehidupan mereka dari harta yang ditinggalkan oleh si mati<sup>31</sup>.

Dalam mengendalikan dan menyelesaikan permasalahan pembahagian harta pusaka memerlukan kepada kefahaman yang mendalam terhadap tiga aspek utama dalam ilmu faraid, iaitu mengetahui *fiqh al-fara'aid*, *ilmu al-naṣab* dan *hisābu al-fara'aid*. Ketiga-tiga aspek ini adalah sangat penting dalam mentadbir harta pusaka. Setiap permasalahan dan pembahagian harta pusaka mempunyai kaedah dan teori pengiraannya sendiri secara khusus, pembahagian harta pusaka dalam kes *al-haml* teori *al-ihtimalat* boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah tuntutan harta pusaka dari ahli waris supaya disegerakan pembahagian tersebut sebelum kelahiran. Teori ini juga dapat dipercepatkan pewarisan, serta mengelak daripada berlakunya pecah amanah atau kematian berlapis.

Penulis berpandangan meskipun amalan sedia ada tidak memperuntukkan agihan pusaka kepada *al-haml*, sekiranya pembahagian tersebut dibuat semasa *al-haml* masih dalam kandungan. Namun berdasarkan peruntukan yang sudah tersedia ada dalam perundangan Islam mengenainya menerusi teori *al-ihtimalat*, adalah wajar *al-haml* memperolehi bahagian dalam harta pusaka peninggalan ahli warisnya.

## RUJUKAN

- Abu Abdullah Hanafi Dollah. (2015). *Kamus al-Khalil*. Selangor Malaysia. Firdaus Press Sdn. Bhd.
- Ahmad Omar Bāzmūl. (2010). *Qawā'id Wa Dawābid Fi Fiqh al-Fara'aid Wa al-Mawāarith*, Kaherah Mesir. Dāru al-Furqān.
- Al-Bukhārī, Muhammad Ibn Ismail. (2004). *Ṣahih Bukhārī*. jld. 3. Cairo Mesir, Dāru al-Afaq al-'Arabiyah.
- Al-Ghāmidī, Nasir Muhammad. (2011). *Al-Khulasah Fi 'Ilmi al-Fara'aid*. Makkah EAU. Darul Taiyibah *al-Khadra'*.
- Al-Lūhim, Abdul Karim Muhammad. (1986). *Al-Fara'aid*. Riyad Arab Saudi. Maktabah al-Ma'rif.
- Al-Qarwīnī, Muhammad Zaidi. (2005). *Sunan Ibnu Majah*. jld. 4. Kaherah Mesir. Dāru Ibnu al-Haitham.
- Al-Šabūnī, Muhammad Ali. (2008). *Al-Mawāirth Fi al-Shari'ah al-Islāmīyah Fī Dau'a al-Kitāb Wa al-Sunnah*. Beirut Lubnan. *Syarikah Abnā' Sharif al-Anṣārī*.
- Al-Šibhānī, Sulaiman al-'Asha`ath. 2008. *Sunan Abi Dawud*. jld. 2. Cairo Mesir. Dāru Ibnu al-Haitham.
- Al-Tirmizī (2004). *Sunan al-Tirmizī*. Cairo, Mesir : Dāru Ibnu Al-Haitham.
- Basri Bin Ibrahim al-Hasani al-Azhari & Mohd Puzhi Bin Usop. (2007). *Isu-isu Fiqh Perubatan Semasa*. Kuala Lumpur. Al-Hidayah Publication.

<sup>31</sup> Fairul Maliq Intajalle, Luqman Abdullah, Abdul Monir Yaacob. (2015). Instrumen pembahagian harta pusaka Islam di Singapura. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 12(1), 89-111.

- Fairul Maliq Intajalle, Luqman Abdullah, Abdul Monir Yaacob. (2015). Instrumen pembahagian harta pusaka Islam di Singapura. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 12(1), 89-111.
- Fatwa Kebangsaan Malaysia. Kali Ke-57.
- Fatwa Negeri Selangor. 28 Ogos 2003.
- Ibnu Manzūr, Muhammad Mukrim. (1994). *Lisānū al-‘Arab*. jld 15. Beirut Lubnan. *Dāru Ṣādir*.
- Muhammad Mirābī. (2008). *Al-Rahābiyah Fi Ilmi al-Farā’id*. Bairut Lubnan. *Muassasah Al-Risalah Nashīrun*.
- Wan Abdul Halim Wan Harun. 2006. *Pengurusan dan pembahagian harta pusaka*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Received Date: 15<sup>th</sup> February 2019*

*Acceptance Date: 12<sup>th</sup> May 2019*

Mohd Muslim Salleh (penulis koresponden)  
Jabatan Syariah dan Undang-undang  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA  
E-mel: alfarady@gmail.com

Siti Mashitoh Mahamood  
Jabatan Syariah dan Undang-undang  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA  
E-mel: mas68@um.edu.my